

Surendran: Hukuman penjara imam baling kasut 'keterlaluan'

MalaysiaKini.com

March 9, 2012

Naib Presiden PKR, N Surendran menganggap hukuman setahun penjara yang dijatuhkan oleh Mahkamah Persekutuan ke atas imam yang membaling selipar bagi kesalahan menghina mahkamah, sebagai keterlaluan dan tidak sesuai.

Dalam mempertahankan Hoslan Hussain (kanan), Surendran berkata dalam satu kenyataan bahawa Mahkamah Persekutuan tidak mengambilkira persekitaran yang timbul daripada kes itu dan telah gagal untuk mengimbangkan keadilan dengan belas kasihan.

Menurutnya, imam Hoslan tidak diwakili peguam dan sangat emosi ketika dia melakukan perbuatan tersebut.

Dia juga, tegas Surendran, adalah seorang bapa yang bergelut untuk membesarkan tujuh orang anaknya dan kesnya telah tertangguh sejak tahun 1999.

"Tegurankeras atau denda sudah mencukupi dalam kes ini," katanya.

Menurut Surendran (bawah) yang merupakan seorang peguam, mahkamah perlu memelihara maruahnya dengan kekuatan autoriti moral, bukan dengan memenjarakan orang.

Beliau menggesa badan kehakiman melihat pada diri mereka ketika keyakinan orang ramai merosot kerana persepsi bahawa hakim-hakim tidak bebas dan telah gagal melindungi hak asasi rakyat Malaysia.

"Kekurangan keyakinan dan rasa hormat ini boleh membawa kepada berulangnya kejadian seperti kes membaling selipar," katanya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/191547>